

30 OCT 1997

Mahathir-Peraturan

PERATURAN BARU PERLU UNTUK JAYA GLOBALISASI DAN DEREGULASI

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata proses globalisasi dan deregulasi yang sedang diusahakan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) akan gagal jika tiada peraturan baru untuk semua negara diperkenalkan.

Dengan menjadikan peraturan perdagangan mata wang sebagai antara contoh peraturan baru yang patut dilaksanakan terhadap semua negara, Perdana Menteri berkata proses globalisasi dan deregulasi tidak bermakna jika peraturan-peraturan yang ada hanya menguntungkan sesetengah negara.

"Malaysia akan menghantar mesej yang sama, iaitu tidak akan ada globalisasi, tidak ada trend deregulasi melainkan ada peraturan baru yang dikenakan kepada semua negara," katanya ketika ditanya pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang sekembalinya daripada lawatan ke luar negara.

"Kita disuruh buka pasaran kita, terima pelaburan asing secara terbuka tetapi mereka menyalahgunakan kebebasan yang kita berikan kepada mereka," katanya ketika ditanya mengenai mesej yang akan Malaysia sampaikan kepada Ketua Pengarah WTO Renato Ruggiero.

Ruggiero tiba di sini hari ini untuk menghadiri Dialog Menteri-menteri Ekonomi G15 atas jemputan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Ketua Pengarah WTO itu juga dijadual menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan pagi esok sebelum menyertai dialog berkenaan pada sebelah petang.

Dr Mahathir berada di luar negara sejak 22 Okt lepas kerana menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Edinburgh, Scotland dan mengadakan lawatan rasmi tiga hari ke Slovenia.

Antara yang menyambut ketibaan Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ialah Anwar, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat dan beberapa menteri kabinet serta timbalan menteri.

Dr Mahathir berkata Malaysia perlu berhati-hati dengan tindakan yang diambil dalam usaha memenuhi desakan-desakan pelbagai pertubuhan antarabangsa seperti WTO, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia.

Ini kerana desakan-desakan mereka biasanya menguntungkan negara-negara maju dengan merugikan negara-negara lain, katanya.

Perdana Menteri berkata dunia tidak akan selamat jika tiada peraturan yang mengawal segala kegiatan.

Sebagai contoh, sementara kerajaan-kerajaan didesak supaya memerintah mengikut peraturan undang-undang, bidang perdagangan boleh melakukan apa sahaja mengikut sesuka hati pengamalannya.

"Kalau mereka hendak kerajaan patuh kepada peraturan undang-undang maka semua pihak juga mesti patuh kepada peraturan undang-undang. Ini pendapat kita dan saya kurang faham kenapa mereka selalu mendesak peraturan undang-undang dikenakan kepada kerajaan tetapi tidak dikenakan terhadap apa yang disebut sebagai kuasa pasaran.

"Kononnya kuasa pasaran ini boleh mengawal, mendisiplinkan diri (walaupun tiada peraturan). Mana ada disiplin, dia nampak duit saja, matanya terbeliak," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia juga kecewa dengan sikap IMF yang mengambil kesempatan mengenakan syarat-syarat tambahan terhadap negara-negara yang memohon bantuan mereka bagi menangani masalah kejatuhan

nilai mata wang.

"Itulah (sebab) kita berasa sedih sedikit kerana mereka melihat ini (usaha mengatasi masalah kejatuhan nilai mata wang) sebagai satu peluang untuk mengenakan syarat tambahan," katanya.

Perdana Menteri berkata disebabkan itu Malaysia mengelak daripada meminta pertolongan IMF dalam usaha kerajaan menangani masalah kejatuhan nilai ringgit akibat perbuatan spekulator dan manipulator perdagangan mata wang.

"Kita boleh mengatasi masalah kita ini kalau rakyat menyokong kerajaan dan sanggup mendisiplinkan diri.

"Kalau kita sanggup berbuat demikian, kita tidak akan diperhambakan oleh sesiapa. Kalau tidak, kita akan balik menjadi negara yang dijajah," katanya mengenai syarat-syarat tambahan IMF terhadap negara-negara yang memohon bantuannya.

Setakat ini, Thailand dan Indonesia masih menimbangkan bantuan IMF bagi menangani masalah kejatuhan nilai mata wang mereka kerana antara syarat-syarat tambahan pinjaman ialah mengadakan reformasi dasar-dasar negara dan pembukaan pasaran yang lebih luas. -- BERNAMA.

AH MNY RON